

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8267**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah kaedah atau mekanisme Kementerian untuk menyelesaikan masalah kelewatan pendaftaran kelahiran yang telah gagal walaupun telah dipohon semula beberapa kali di peringkat negeri terutamanya di negeri Sarawak dan Sabah; dan
  
- (b) apakah perancangan atau tindakan pihak Kementerian dalam menangani isu anak angkat yang belum selesai dan banyak berlaku terutamanya di Negeri Sarawak.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pendaftaran kelahiran di Negeri Sarawak ditadbir di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak BAB 10). Peruntukan ini bukan sahaja menyebut bahawa setiap kelahiran di Malaysia perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), tetapi perlu juga dipastikan bahawa kelahiran itu berlaku di negeri Sarawak. Oleh itu, mana-mana kelahiran yang didaftarkan selepas 42 hari daripada tarikh bayi dilahirkan akan dikategorikan sebagai pendaftaran lewat kelahiran.**

**Antara sebab-sebab permohonan daftar lewat kelahiran tidak diluluskan adalah kerana pemohon gagal membuktikan kelahiran telah berlaku di kawasan yang berkenaan. Berdasarkan statistik JPN daripada tahun 2011 sehingga September 2015, sebanyak 1,670 permohonan pendaftaran lewat kelahiran di negeri Sarawak telah ditolak dan sedang diteliti semula oleh JPN Negeri Sarawak.**

**Bagi mengatasi perkara ini, maka Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Mengenai Dokumen Pengenalan Diri Penduduk Di Negeri Sarawak yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri. Mesyuarat ini telah bersidang buat kali pertama pada 15 September 2015.**

**Selain daripada itu, untuk menggiatkan lagi usaha dokumentasi ini, maka Kerajaan telah memutuskan agar JPN bersama-sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun melalui satu Pasukan Petugas Khas untuk turun padang ke kawasan-kawasan pedalaman dan rumah-rumah panjang di seluruh negeri Sarawak.**

**Bagi proses pengangkatan di negeri Sarawak, ianya tertakluk dibawah Adoption Ordinance (Sarawak Cap. 91) dan Adoption (Central Registry) Regulation 1960. Undang-undang memperuntukkan bahawa sebarang permohonan dan kelulusan adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Sarawak melalui Pejabat Daerah di mana kawasan tempat pemohon pengangkatan tersebut bermastautin. JPN hanya akan mendaftarkan mana-mana permohonan pengangkatan yang telah mendapat kelulusan daripada Pegawai Daerah dan seterusnya mengeluarkan Sijil Pengangkatan.**